

KAJIAN PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP KAEDAH MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN DI POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH, JITRA, KEDAH.

Siti Fatimah Md Azali¹ dan Siti Hasmiza Hassan²

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah
sitifat.sf@gmail.com

²Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah
shasmiza11211@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penerimaan pelajar terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) sebagai medium pembelajaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah. Ini kerana penerimaan pelajar yang positif terhadap MOOC akan mendorong mereka memberikan komitmen sepenuhnya dalam menjayakan Agenda Transformasi Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi dengan memperkenalkan kaedah pembelajaran dan pengajaran secara e-learning. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk meninjau penerimaan pelajar terhadap penggunaan MOOC sebagai medium pembelajaran dari aspek tahap pengetahuan, sikap dan tahap motivasi. Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang mengandungi 25 item berskala Likert. Responden terdiri daripada 213 orang pelajar semester 3 bagi semua program di semua jabatan di POLIMAS, Jitra, Kedah. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Versi 17 untuk melihat min,peratusan dan kekerapan. Hasil kajian menunjukkan responden memberikan jawapan yang positif terhadap kesemua tiga faktor kajian yang dikaji iaitu dari aspek tahap pengetahuan, sikap dan tahap motivasi. Kesemua faktor menunjukkan tahap yang sederhana terhadap penerimaan pelajar terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) sebagai medium pembelajaran. Ini memberi petunjuk bahawa kebanyakan responden mempunyai pandangan positif terhadap penerimaan penggunaan MOOC di POLIMAS. Pelajar sedar bahawa MOOC diaplikasikan di POLIMAS dan mereka mempunyai tahap pengetahuan MOOC yang sederhana serta mengetahui kelebihan yang diperolehi dari penggunaan tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar bersedia menggunakan MOOC pada bila-bila masa dan selalu mendapatkan bahan pembelajaran melalui MOOC, namun mereka masih bersikap sederhana dan kurang bermotivasi untuk melaksanakannya kerana penggunaan MOOC hanya dilaksanakan melalui beberapa kursus tertentu sahaja.

Kata kunci: Penerimaan, pengetahuan, sikap, motivasi dan MOCC

Keywords : Acceptance, knowledge, attitude, motivation and MOCC

1.0 PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Teknologi Informasi dan Perhubungan (ICT) telah banyak merubah gaya hidup dan kehidupan manusia masa kini. Ianya tidak terkecuali dalam meningkatkan prestasi sistem pendidikan di Malaysia terutamanya dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan e-pembelajaran di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia umpamanya, merupakan satu pendekatan yang telah menjadi kemestian kerana menerusi teknologi internet, bahan-bahan dan contoh-contoh latihan atau cara kerja yang efektif dapat dipersembahkan serta disebar dengan lebih mudah, meluas serta berkesan (Bronack S. C. and Kilbane, 1998)

Sedar dengan kepentingan ini, Jabatan Politeknik (JPP), dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia, telah memberi mandat kepada semua politeknik dibawahnya untuk melaksanakan kursus-kursus dengan menggunakan kaedah e-pembelajaran. Penggunaan aplikasi Curriculum Information Document Online System (CIDOS) umpamanya, telah diperkenalkan pada tahun 2010 (Norfadzilah, 2016) telah menampakkan hasil yang memberangsangkan. Walaupun CIDOS sudah dan sedang dilaksanakan di Politeknik Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi memperkenalkan pula Massive Open Online Course (MOOC) sebagai satu platform pembelajaran secara maya yang terkini di institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Program MOOC di Malaysia telah dilancarkan pada 18 September 2014 oleh Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris bin Jusoh dimana, institusi pengajian tinggi di Malaysia disarankan mengambil inisiatif mencapai lebih ramai pelajar terutamanya pelajar luar negara. Melalui teknologi terkini, pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih mantap dan dapat mencerminkan kehebatan serta menaiktaraf reputasi sesebuah institusi pendidikan.

Sejajar dengan kehidupan abad ke-21, para pengajar dan pelajar mesti melengkapkan diri dengan semua jenis kemahiran teknologi untuk memastikan keberkesanan dan kemajuan dalam pengajaran dan pembelajaran dan perkembangan teknologi pendidikan telah terbukti dalam institusi pengajian tinggi di Malaysia. Inilah hasil yang sedang diusahakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memacu ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan seperti yang dibincangkan oleh Dawam, Ahmad, Jusoff, Tajuddin, Elias dan Mansor (2009).

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada pelajar-pelajar semester 3 bagi semua program di semua jabatan di POLIMAS, yang mempelajari kursus 'English Communicative 2' melalui MOOC. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif sebagai rekabentuk penyelidikan. Hasil kajian mendapati responden memberikan jawapan yang positif terhadap kesemua tiga soalan kajian yang dikaji. Kesemua faktor menunjukkan tahap yang sederhana terhadap penerimaan pelajar terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) sebagai medium pembelajaran. Faktor motivasi menunjukkan min yang paling tinggi (min 3.10) diikuti dengan faktor tahap pengetahuan (min 3.06) sementara faktor sikap menunjukkan min yang paling rendah (min 3.03). Ini menunjukkan bahawa pelajar bermotivasi untuk menggunakan MOOC dalam pembelajaran mereka tetapi kurang pengetahuan dan perlu mengubah sikap mereka kearah yang lebih positif dalam menggunakan MOOC sebagai medium pembelajaran.

1.2 Penyataan Masalah

Teknologi wujud sebagai perantaraan untuk menyebarkan pelbagai jenis maklumat dalam pelbagai cabang terutamanya dalam bidang pendidikan. E-Learning merupakan satu bentuk revolusi pendidikan yang berorientasikan sistem pembangunan web (WBL) dan ianya semakin popular serta digunakan sebagai salah satu medium pengajaran dan pembelajaran masa kini bagi

tujuan formal di institusi pendidikan. E-Learning sebagai media elektronik dapat membawa perubahan pada proses pembelajaran, baik kepada pelajar mahupun kepada tenaga pengajar itu sendiri. Salah satu platform e-learning yang diperkenalkan oleh Jabatan Politeknik dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (JPP), melalui politeknik-politeknik yang berada dibawahnya adalah CIDOS.

CIDOS merupakan satu penyelesaian berasaskan laman sesawang yang direkabentuk khususnya bagi mengawal kecekapan dan keberkesanan ke atas inventori dokumen kurikulum, bahan pengajaran dan pembelajaran serta perkongsian pengetahuan. Dengan menggunakan CIDOS, pensyarah boleh merekabentuk bahan p&p seperti forum, dapat berdiskusi dan juga memuatnaik bahan-bahan pengajaran. Pensyarah juga boleh memantau perkembangan dan prestasi pelajar-pelajar mereka. Walaupun CIDOS menyediakan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran, ada pelajar yang masih kurang mahir bagaimana menggunakan kemudahan tersebut dan kurang seronok menggunakannya (Faizatul & Syahilia, 2017).

Terkini, Politeknik Malaysia diperkenalkan pula dengan platform pembelajaran maya yang baru dikenali sebagai Massive Open Online Course atau singkatannya MOOC. Istilah MOOC mula-mula sekali diperkenalkan pada tahun 2008 oleh Dave Cormier dari University of Prince Edward Island dan Bryan Alexander dari National Institute for Technology in Liberal Education. Ini adalah susulan kepada kursus Connectivism and Connective Knowledge yang dipelopori oleh George Siemens dari Athabasca University dan Stephen Downes dari National Research Council (Chris 2013). Menurut Cormier (2010), ciri-ciri asas MOOC ialah capaian kepada kursus-kursus yang ditawarkan adalah terbuka dan percuma, melibatkan penyertaan secara sukarela dari pihak pelajar. Penyedia bahan kursus membangunkan bahan P&P dan diedarkan dengan meluas dan hasil tugas peserta dikongsi bersama peserta-peserta lain. Walaupun MOOCs telah dibangunkan sejak tahun 2008, kajian terhadap penerimaan teknologi MOOC adalah terhad, terutamanya dalam kontek Asia Tenggara (Hara, Moskal dan Saarinen, 2013). Ini disokong oleh BPDA Detroit Chapter (n.d), bagi pelajar yang mengikuti kursus dari portal MOOC yang percuma dikhuatiri mempunyai isu berkaitan dengan tahap motivasi yang rendah. Ini adalah kerana, ia adalah suatu program berbentuk sukarela, dan pelajar tidak akan dikenakan penalti sekiranya gagal menamatkan kursus dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Hasil kajian Rita, Helene dan John (2011) membuktikan bahawa perbezaan matlamat pembelajaran dan perbezaan konteks hidup bagi pelajar yang mengikuti kursus terbuka, akan mendorong kepada perbezaan tahap penglibatan dalam aktiviti pembelajaran dan seterusnya menghasilkan dapatan pembelajaran yang berbeza. Kajian mereka juga menunjukkan tahap penyertaan dalam pembelajaran maya melalui MOOC akan lebih tinggi sekiranya mereka mempunyai banyak pengalaman dalam pembelajaran maya tersebut. Jesteru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti penerimaan pelajar terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) sebagai medium pembelajaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah dari segi tahap pengetahuan, sikap dan tahap motivasi.

2.0 SOROTAN KAJIAN (KAJIAN LITERATUR)

Definisi *Penerimaan*

Penerimaan bermaksud perbuatan menerima, menyambut, menghargai, mengakui, mengizinkan, membenarkan dan juga melibatkan memilih dan menyertai sesuatu rancangan, program, kaedah, institusi dan selainnya (Kamus Dewan (2002), h. 1432 – 1433). Ia juga bermaksud menyetujui sesuatu kehendak dan pengambilan sesuatu hak (Kamus Pelajar, Bahasa

Malaysia (1988), h. 715). Ini selaras dengan pendapat Azizi, Jaafar, Shahrin dan Yusof (2006), dimana penerimaan bermaksud menghargai sifat-sifat istimewa individu sebagai manusia unik yang berbeza dengan individu lain dari segi sikap, pengetahuan dan kemahiran.

Definisi **Pengetahuan**

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (2017), pengetahuan membawa maksud perihal mengetahui atau apa-apa yang diketahui tentang sesuatu perkara manakala pengalaman pula bermaksud apa yang telah dialami, dirasai atau ditempuh. Ianya disokong oleh Rahim dan Shahrina (2007) dimana pengetahuan sedia ada adalah meliputi pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang itu sebelum mempelajari sesuatu yang baru. Setelah pembelajaran berlaku, individu tersebut akan cuba membuatkan perkaitan ilmu baru yang dipelajarinya dengan ilmu yang telah sediaada. Jika lebih banyak pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang itu dalam sesuatu bidang, maka lebih mudahlah individu itu untuk memahami perkara yang baru dipelajarinya dalam bidang yang sama.

Definisi **Sikap**

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (2017), sikap memberi erti perbuatan atau pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat atau fikiran. Bong & Skaalvik (2003, p. 6) mentakrifkannya sebagai "pengetahuan dan persepsi tentang diri mereka [pelajar] dalam keadaan sesuatu pencapaian". Ini bermakna kesedaran akademik konsep sendiri mempunyai sumbangan kepada membantu pencapaian pendidikan. Ini disokong oleh Meuller (1986), ia menyatakan sikap adalah gambaran sejauhmana seseorang itu menyukai atau tidak menyukai sesuatu dan sikap ini menggambarkan kesediaan untuk melakukan sesuatu. Sikap juga menggambarkan kepercayaan seseorang terhadap sesuatu perkara. Walaupun sikap adalah sesuatu yang abstrak kerana ia tidak dapat dilihat atau dirasa dengan pancaindera, namun sikap boleh dikesan melalui gelagat seseorang itu dalam menjalani kehidupan sehariannya (Ilhaamie & Wan Suryati, 2008). Ini selaras dengan pandangan Aiken (2000) dimana menurutnya, sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap objek tertentu, situasi, institusi, konsep atau seseorang. Pernyataan ini disokong oleh Abdul Rashid (2001) yang mengatakan sikap memberikan kesan yang khusus kepada tingkah laku, daya usaha, minat dan kesedaran.

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas maka dapat disimpulkan bahawa sikap adalah keadaan diri dalam manusia yang menggerakkan untuk bertindak atau berbuat dalam kegiatan sosial dengan perasaan tertentu di dalam tindak balas kepada objek situasi atau keadaan di lingkungan sekitarnya. Selain itu sikap juga memberikan kesediaan untuk bertindak balas yang sifatnya positif atau negatif terhadap objek atau situasi.

Definisi **Motivasi**

Kamus Oxford (Oxford University Press, 2014) mentakrifkan "motivasi" sebagai "keinginan atau kesanggupan melakukan sesuatu; semangat ". Dalam bahasa yang mudah, motivasi adalah satu kuasa yang mendorong kita untuk melakukan sesuatu dengan berkesan. Pendapat ini disokong oleh Taidin Suhaimin (2010) dimana motivasi adalah sesuatu yang menggerak dan mengarah tuju seseorang dalam tindakan-tindakannya sama ada secara negatif atau positif. Santrock (2005) pula menyatakan motivasi merupakan proses menjana, mengarahkan dan mengekalkan tingkahlaku.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 *Instrumentasi Kajian*

Instrumen kajian digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden secara rawak. Menurut Oppenheim (dalam Mohammad Najib, 1999), kaedah memperoleh data melalui soal selidik mampu mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan selain daripada keterangan latar belakang. Kaedah ini dipilih kerana ia merupakan kaedah yang paling mudah dan murah serta dapat menjimatkan masa. Selain itu, Jones(1996) menyatakan bahawa penggunaan soal selidik sebagai instrumen kajian adalah lebih sesuai kerana ianya lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden serta kaedah soal selidik amat sesuai digunakan di dalam kajian berbentuk tinjauan. Soal selidik mengandungi dua bahagian. Bahagian A meninjau maklumat peribadi responden. Manakala Bahagian B mengandungi soalan yang terdiri daripada empat konstruk iaitu, minat, sikap, pengetahuan dan pengalaman serta motivasi. Bahagian B (soalan) menggunakan Linear Skala Likert seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.2.

3.2 *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang bertujuan mengumpul data daripada satu set populasi. Pendekatan kuantitatif melibatkan pengumpulan data yang dilakukan dengan menggunakan borang soalselidik.

3.2.1 *Populasi dan Sampel*

Populasi terdiri daripada 425 orang pelajar semester tiga sesi Disember 2017 bagi semua jabatan di POLIMAS. Bilangan sampel kajian yang disyorkan oleh Krejcie (1970) adalah seramai 213 orang iaitu sebanyak 50.11% daripada jumlah populasi dan sampel pula dipilih secara rawak.

3.2.2 *Lokasi Kajian*

Kajian ini dilakukan di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra (POLIMAS), Kedah

3.2.3 *Instrumen Kajian*

Instrumen kajian yang digunakan berbentuk soal selidik yang diubahsuai daripada Noraffandy dan Ling (2011) dan terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A merupakan demografi pelajar yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat latarbelakang responden. Bahagian B terdiri daripada soal selidik yang menggunakan kaedah Skala Likert berkenaan soalan terhadap pengetahuan MOOC, Sikap pelajar terhadap MOOC dan tahap motivasi pelajar terhadap MOOC.

Menurut Oppenheim (dalam Mohammad Najib, 1999), kaedah memperoleh data melalui soal selidik mampu mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan selain daripada keterangan latar belakang. Kaedah ini dipilih kerana ia merupakan kaedah yang paling mudah dan murah serta dapat menjimatkan masa. Selain itu, Jones(1996) menyatakan bahawa penggunaan soal selidik sebagai instrumen kajian adalah lebih sesuai kerana ianya lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden serta kaedah soal selidik amat sesuai digunakan di dalam kajian berbentuk tinjauan.

Kajian Rintis

Sebelum borang soal selidik diedarkan, satu kajian rintis dibuat bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Sebanyak 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar semester empat bagi semua program di

semua jabatan di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Jitra Kedah, untuk menjawab item-item soal selidik. Populasi ini dipilih kerana ia berdekatan dengan populasi sebenar dan terdiri daripada mereka yang tidak dilibatkan sebagai responden dalam kajian sebenar.

Menurut Yusri (2000), kajian rintis dilakukan bagi menentukan aras signifikan item soalan yang dibina sesuai dan diterima. Keesahan dan kebolehpercayaan soal selidik diproses dengan menggunakan Perisian 'Statistical Package For The Social Science' (SPSS) Versi 15.0 untuk menentu nilai kebolehpercayaan. Keputusan menunjukkan kebolehpercayaan (Reliability Coefficient), nilai alpha bagi keseluruhan item yang dibina ialah 0.875. Menurut Mohamad Najib (1999), kajian yang mencapai nilai alpha 0.6 hingga 0.9 adalah mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan soalan yang tinggi.

3.2.4 Kaedah Penganalisan Data

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif dan melibatkan seramai 213 orang pelajar yang sedang menjalani kuliah peringkat diploma disemua jabatan di POLIMAS.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dianalisis mengikut bahagian. Analisis data bagi Bahagian A dibuat secara kuantitatif mengikut kekerapan dan peratus. Manakala pada Bahagian B pula, data dianalisis secara kuantitatif mengikut kekerapan, peratusan dan min.

Bahagian A : Latar Belakang Pelajar

Kajian ini melibatkan 213 orang pelajar semester tiga yang terdiri daripada 101 orang pelajar perempuan (47.4%) dan 112 orang pelajar lelaki (52.6%) yang sedang mengikuti kursus 'English Communicative 2' (DUE3012). Majoriti umur pelajar adalah di antara 18 hingga 20 tahun iaitu seramai 148 orang pelajar (69.5%), diikuti oleh 57 orang pelajar (26.8%) dalam lingkungan 21 hingga 23 tahun dan 6 orang pelajar (2.8%) berumur dalam lingkungan 24 hingga 26 tahun. Manakala hanya seorang pelajar (0.5%) berumur 27 tahun dan ke atas. Kebanyakan pelajar terdiri daripada bangsa Melayu seramai 178 orang (83.6%), diikuti oleh bangsa Cina seramai 20 orang (9.4%), manakala bangsa India seramai 15 orang (7%). Kebanyakan pelajar yang menjadi responden, belum berkahwin iaitu sebanyak 206 orang pelajar (96.7%) manakala 7 orang pelajar (3.3%) sudah berkahwin. Seramai 168 orang pelajar (78.9%) sedang mengikuti pengajian diperingkat diploma manakala 43 orang pelajar (20.2%) sedang mengikuti pengajian di peringkat sijil. Responden yang paling ramai adalah di kalangan pelajar Jabatan Perdagangan iaitu 75 orang (35.2%), diikuti 68 orang (31.9%) dari Jabatan Kejuruteraan Awam, 50 orang pelajar (23.5%) dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 13 orang (6.1%) daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan komunikasi, manakala selebihnya iaitu 7 orang (3.3%) daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

Bahagian B : Penerimaan pelajar terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) sebagai medium pembelajaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah

Penerimaan pelajar terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) sebagai medium pembelajaran, dikaji dari tiga faktor iaitu faktor pengetahuan, faktor sikap dan faktor motivasi pelajar terhadap MOOC ini.

Faktor Pengetahuan/Pengalaman

Jadual 1 menunjukkan statistik deskriptif bagi faktor yang pertama. Faktor pengetahuan/pengalaman akan menjelaskan tahap penerimaan dan penglibatan pelajar dalam menggunakan MOOC sebagai medium pembelajaran mereka bagi mendorong mereka meningkatkan tahap pencapaian dan pembelajaran. Penilaian faktor ini meliputi 10 item yang diubahsuai mengikut kesesuaian tajuk kajian.

Jadual 1 : Faktor Pengetahuan Pelajar (Soalan B1- B10)

	Statistics		Mean	Med	Std Deviation
	Valid	Missing			
Saya tahu bahawa MOOC merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran di politeknik	213	0	3.18	3.00	.663
Saya sedar MOOC diaplikasikan di politeknik sebagai medium pengajaran dan pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.19	3.00	.667
Saya mempunyai kemahiran dalam menggunakan MOOC sebagai medium pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.11	3.00	.661
Saya menggunakan MOOC setiap hari sebagai medium pembelajaran di politeknik	213	0	2.79	3.00	.804
Saya beranggapan bahawa kaedah MOOC memberi kelebihan dalam membantu pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.12	3.00	.633
Saya beranggapan bahawa kaedah MOOC adalah kaedah pembelajaran pilihan saya di politeknik	213	0	3.04	3.00	.675
Saya menggunakan MOOC sebagai medium pembelajaran saya di politeknik bagi semua kursus.	213	0	2.88	3.00	.789
Saya tahu bahawa banyak bahan pembelajaran boleh didapati daripada MOOC	213	0	3.06	3.00	.708

dalam membantu pembelajaran saya di politeknik					
Saya tahu MOOC dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik saya di politeknik	213	0	3.17	3.00	.668
Saya sedar saya akan ketinggalan jika saya tidak menggunakan MOOC sebagai pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.09	3.00	.769

Hasil dapatan kajian bagi faktor pengetahuan pelajar, item B9 memperolehi min yang paling tinggi (3.19). Ini menunjukkan seramai 121 pelajar bersetuju (56.8%) dan 66 orang pelajar (31.0%) sangat bersetuju bahawa mereka sedar MOOC diaplikasikan di politeknik sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (P&P). Nilai min sebanyak 2.88 diperolehi oleh item B4. Ini menunjukkan pelajar yang bersetuju adalah seramai 102 orang (47.9%) manakala seramai 47 orang (22.1%) sangat bersetuju bahawa mereka menggunakan MOOC sebagai medium pembelajaran mereka di politeknik bagi semua kursus.

Hasil kajian Frank (2012) and Levy (2011) menunjukkan pelajar berpuashati dengan tahap penglibatan yang tinggi seperti luahan idea, soalan-soalan dan juga rangkaian laman sesawang yang bermanfaat) yang didapati dalam ruang perbincangan secara maya (chat room), membantu mereka dalam pembelajaran. Ini menunjukkan tahap pengetahuan dan pengalaman pelajar adalah positif dalam menggunakan MOOC sebagai medium pembelajaran bagi mendorong mereka meningkatkan tahap pencapaian dan pembelajaran.

Faktor Sikap

Jadual 2 menunjukkan statistik deskriptif bagi faktor yang kedua. Faktor sikap akan menjelaskan tahap penerimaan dan penglibatan pelajar dalam menggunakan MOOC sebagai medium pembelajaran mereka bagi mendorong mereka meningkatkan tahap pencapaian dan pembelajaran. Penilaian faktor ini meliputi 9 item yang diubahsuai mengikut kesesuaian tajuk kajian.

*Jadual 2 : Faktor Sikap Pelajar (Soalan B11- B19)***Statistics**

	N		Mean	Med	Std Deviation
	Valid	Missing			
Saya selesa menggunakan MOOC sebagai media pembelajaran saya di politeknik.	213	0	3.03	3.00	.713
Saya bersedia menggunakan MOOC sebagai media pembelajaran saya di politeknik pada bila-bila masa	213	0	3.08	3.00	.710
Saya senantiasia mempelajari cara menggunakan MOOC sebagai media pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.02	3.00	.651
Saya bersedia menghadapi cabaran dalam menggunakan MOOC sebagai media pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.08	3.00	.662
Saya menggunakan MOOC sebagai medium komunikasi saya dengan pensyarah di politeknik	212	1	2.97	3.00	.778
Saya selalu menambahbaik pengetahuan saya tentang MOOC sebagai media pengajaran dan pembelajaran saya di politeknik	212	1	3.02	3.00	.674
Saya selalu berbincang dengan rakan-rakan saya dalam menambahbaik pengetahuan saya mengenai MOOC	212	1	3.09	3.00	.626
Saya mampu meluangkan masa yang lama dalam menambahbaik pengetahuan saya mengenai MOOC	213	0	3.01	3.00	.762
Saya menggunakan MOOC untuk mendapatkan bahan pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.05	3.00	.725

Hasil dapatan kajian bagi faktor sikap pelajar, item B13 memperolehi min yang paling tinggi (3.09). Ini menunjukkan seramai 117 orang pelajar bersetuju (54.9%) manakala seramai 60 orang pelajar (28.2%) sangat bersetuju bahawa mereka selalu berbincang dengan rakan-rakan dalam menambahbaik pengetahuan mereka mengenai MOOC. Nilai min sebanyak 2.97 diperolehi oleh item B15. Ini menunjukkan seramai 105 orang pelajar bersetuju (49.3%) dan seramai 60 orang pelajar (28.2%) sangat bersetuju bahawa mereka menggunakan MOOC sebagai medium komunikasi mereka dengan pensyarah di politeknik.

Alraimi, Zo and Ciganek (2015) mendapati niat pelajar untuk terus menggunakan MOOC sangat dipengaruhi oleh reputasi penerimaan kursus, keterbukaan dan manfaat dan keseluruhan sikap pengguna terhadap MOOC. Ini menunjukkan sikap pelajar adalah positif dalam menggunakan MOOC sebagai medium pembelajaran bagi mendorong mereka meningkatkan tahap pencapaian dan pembelajaran.

Faktor Motivasi

Jadual 3 menunjukkan statistik deskriptif bagi faktor yang ketiga. Faktor motivasi akan menjelaskan tahap penerimaan dan penglibatan pelajar dalam menggunakan MOOC sebagai medium pembelajaran mereka bagi mendorong mereka meningkatkan tahap pencapaian dan pembelajaran. Penilaian faktor ini meliputi 6 item yang diubahsuai mengikut kesesuaian tajuk kajian.

Jadual 2 : Faktor Motivasi Pelajar (Soalan B20- B25)

	Statistics		Mean	Med	Std Deviation
	Valid	Missing			
Saya suka menggunakan MOOC sebagai media pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.02	3.00	.703
Saya seronok menggunakan MOOC sebagai pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.01	3.00	.743
Saya mendapat galakan daripada pensyarah untuk menggunakan MOOC sebagai pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.14	3.00	.611
Saya mendapat galakan daripada rakan sebaya untuk menggunakan MOOC sebagai pembelajaran saya di politeknik	213	0	3.13	3.00	.751
Saya merasakan penggunaan MOOC sebagai pembelajaran saya di politeknik menjimatkan masa	213	0	2.12	3.00	.694
Saya merasakan penggunaan MOOC sebagai pembelajaran saya di politeknik menjimatkan kos	212	1	3.18	3.00	.699

Hasil dapatan kajian bagi faktor motivasi pelajar, item B20 memperolehi min yang paling tinggi (3.18). Ini membuktikan seramai 114 orang pelajar bersetuju (53.5%) manakala seramai 70 orang pelajar (32.9%) sangat bersetuju bahawa mereka merasakan penggunaan MOOC sebagai pembelajaran mereka di politeknik menjimatkan kos. Nilai min sebanyak 3.01 diperolehi oleh item B24. Ini menunjukkan seramai 117 orang pelajar bersetuju (54.9%) dan

seramai 53 orang pelajar (24.9%) sangat bersetuju bahawa mereka seronok menggunakan MOOC sebagai pembelajaran mereka di politeknik.

Hasil dapatan Wise, Cui, Jin dan Vytasek (2017) menjelaskan bahawa MOOC telah muncul sebagai satu alat pendidikan yang dapat memenuhi keperluan dan minat pelajar. Secara keseluruhan, tindakbalas pelajar menjelaskan bahawa MOOC adalah fleksibel dan mudah digunakan. Tahap motivasi pelajar yang positif ini menunjukkan bahawa mereka menerima MOOC sebagai medium pembelajaran bagi mendorong mereka meningkatkan tahap pencapaian dan pembelajaran.

5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada analisis data dan hasil kajian yang diperolehi, responden memberikan jawapan yang positif terhadap kesemua tiga faktor kajian yang dikaji iaitu faktor pengetahuan, faktor sikap dan faktor motivasi. Kesemua faktor menunjukkan tahap yang sederhana terhadap penerimaan pelajar terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) sebagai medium pembelajaran.

Ini bertepatan dengan hasil kajian Faridah Binti Jamil @ Amat dan Zain Binti Retas (2011) mengenai kesediaan penggunaan e-learning di kalangan pelajar politeknik kementerian pendidikan tinggi dimana responden memberikan nilai positif terhadap kesediaan penggunaan e-learning di kalangan pelajar. Kebanyakan responden mempunyai pandangan positif terhadap kesediaan penggunaan e-learning di kalangan pelajar dan mempunyai tahap pengetahuan penggunaan e-learning yang tinggi. Pelajar sedar bahawa e-learning diaplikasikan di politeknik dan mengetahui kelebihan yang diperolehi dari penggunaan tersebut. Dapatan kajiannya juga menunjukkan sikap pelajar terhadap penggunaan elearning adalah sederhana. Walaupun pelajar bersedia menggunakan e-learning pada bila-bila masa, bersedia menghadapi cabaran pembelajaran e-learning dan selalu mendapatkan bahan pembelajaran, namun mereka masih bersikap sederhana dan kurang bermotivasi untuk melaksanakannya kerana di dapati bukan semua kursus yang diambil di politeknik, menggunakan elearning.

Hasil ini sejajar dengan kajian yang telah dijalankan oleh Ahmad et al. (2010) di mana penggunaan pembelajaran secara elektronik di kalangan pensyarah dalam pengajaran masih rendah dan pelajar juga menunjukkan tahap yang sederhana. Walaupun pengetahuan pelajar adalah tinggi tetapi sikap dan motivasi pelajar terhadap e- learning adalah sederhana. Jelaslah disini bahawa untuk meningkatkan kesediaan pelajar terhadap penggunaan e-learning, mereka perlu berusaha mengubah sikap dan meningkatkan motivasi agar tidak ketinggalan dalam era pembelajaran masa kini yang mengangkat elearning sebagai salah satu kaedah atau medium pembelajaran yang penting dalam menghasilkan pelajar yang cemerlang.

Oleh kerana penyelidik hanya memfokuskan kepada pelajar-pelajar dalam satu sesi sahaja maka dicadangkan agar kajian lanjutan dijalankan dengan meluaskan skop kajian kepada pelajar-pelajar daripada beberapa sesi pengajian. Selain itu disebabkan kajian hanya terbatas kepada faktor-faktor sikap, pengetahuan/pengalaman dan motivasi maka dicadangkan juga kajian lanjutan dilakukan terhadap faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) sebagai medium pembelajaran.

Akhir sekali, penyelidik juga hanya memfokuskan kepada penerimaan pelajar terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) sebagai medium pembelajaran di Politeknik

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah sahaja. Oleh yang demikian, dicadangkan kajian dibuat di beberapa buah politeknik lain bagi mendapatkan gambaran sebenar penerimaan pelajar politeknik terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) sebagai medium pembelajaran di politeknik.

RUJUKAN

- Abd Rashid Abd. Rahim (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Cergas (M) Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim Bin Hamdan dan Nurul Shahrina Binti Shaharin. (2007). *Kesediaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar, Seremban*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad, A. N., Mustaffa, M., Hussain, S.N. (2013). *Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran; Satu Kajian Di Jabatan Pengajian Am*. Politeknik Merlimau Melaka.
- Alraimi, K. M., Zo, H., & Ciganek, A. P. (2015). Understanding the MOOCs continuance: the role of openness and reputation. *Computers & Education*, 80, 28-38
- Aiken, L. R. (2000). *Psychological testing and assessment* (10th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Azizi Yahya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hahim dan Yusof Boon (2006). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Bronack S. C. and Kilbane, C.R (1998). *CaseNET:Teaching decisions via a Web-based learning environment*. Paper presented at the annual meeting of the Society for Information Technology and Education, Washington, D.C.
- Dawam, S. R. M., Ahmad, K. A., Jusoff, K., Tajuddian, T., Elias, S. J., & Mansor, S. W. (2009). *The use of ICT in public and private institutions of higher learning, Malaysia*. *Computer and Information Science*, 2(4), 122
- Faridah Binti Jamil @ Amat dan Zain Binti Retas (2012) *Kesediaan Penggunaan E-Learning Di Kalangan Pelajar Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi*. Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Merlimau, Melaka. Jurnal KPT6044
- Frank, S. J. (2012). MITx's online circuit and analysis course [Education]. *IEEE Spectrum*, 49(9).
- Hara, T., P. D. Moskal and C. Saarinen. 2013. *Preliminary analyses of a cutting-edge knowledge distribution method of MOOC (Massive, Open, Online Course) to teach tourism as an industry: eLearning in the regional tourism information system framework*. Proceedings of the 3rd International Conference on the Measurement and Economic Analysis of Regional Tourism, Medellin, Columbia. American Chapter, 6–7 November

- Ihmaamie Abdul Ghani Azmi & Wan Suryati Wan Ahmad (2008). Pengaruh sikap dan demografi ke atas produktiviti kerja pensyarah muslim: Kajian di Universiti Malaya. *Shariah Journal*, 16 , 321-344.
- Jones, K.H, Womble, M. and Searcy, C.A (1996). T & I Education Students. Perceptions Of Courses. *Journal Of Industrial Teacher Education*. 34. 82 – 101.
- Kamus Dewan (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
- Kamus Dewan (2002), Edisi ke tiga, Kuala Lumpur: Dewan bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Pelajar, Bahasa Malaysia (1988), c. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Levy, D. (2011). Lessons learned from participating in a connectivist massive online open course (MOOC). *In Proceedings of the Chais conference on instructional technologies research 2011: Learning in the technological era (pp. 31-36).*
- Mueller, D. J. (1986). *Measuring social attitudes*. New York: Teachers College.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999).Penyelidikan Pendidikan. Johor Bahru:Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Syahilia Aris dan Faizatul Hafilah Abdul Halim (2017) Persepsi Pengguna Terhadap Pembelian Secara Atas Talian, *Journal of Technical and Vocational Education. Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*.
- RitaKop, Helene Fournier and John Sui Fai Mak (2011) A Pedagogy of Abundance or a Pedagogy to Support Human Beings? Participant Support on Massive Open Online Courses, *The International Review of Research in Open and Distance Learning, Volume 12 No 7*
- Robert V. Krejcie and Daryle W. Morgan (1970) *Determining Sample Size For Research Activities*, Educational And Psychological Measurement 1970, 30, 607-610.
- Santrock, J.W. (2005).Psychology, Seven Edition. Boston.: McGraw Hill.
- Taidin Suhaimin (2010).Motivasi, Teknik Belajar dan Strategi Menghadapi Peperiksaan UCMG. *Ohio. USA*.
- Wise, A. F., Cui, Y., Jin, W., & Vytasek, J. (2017). Mining for gold: Identifying content-related MOOC discussion threads across domains through linguistic modeling. *The Internet and Higher Education*, 32, 11-28.
- Yahaya, Noraffandy and Ling, Ning Ning (2011) Kesiediaan penggunaan e-learning di kalangan pelajar tahun kedua kursus Sarjana Muda Sains, Komputer Serta Pendidikan, Fakulti

Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia - satu tinjauan. *Jurnal of Educational Social Science*, 1 . pp. 121-140. ISSN 2231-7333

Yusri bin Kamin (2000). *Perkembangan Profesionalisme Graduan Kemahiran Hidup Lulusan UTM di Sekolah-sekolah di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.

Sumber Berita Cetak

Bong, M., & Skaalvik, E. M. (2003). Academic Self-Concept and Self-Efficacy: How Different Are They Really? *Educational Psychology Review*, 15, 1-40.
<http://dx.doi.org/10.1023/A:1021302408382>

BPDA Detroit Chapter (n.d.). MOOCs: Top 10 Sites for Free Education With Elite Universities. Retrieved February 12, 2014, from
<http://www.bdpadetroit.org/portal/index.php/comitees/high-school-computer-competition-hscc/29-education/57- moocs-top-10-sites-for-free-education-with-elite-universities.html>

Chris, P. (2013, October 17). Mooc creators criticise courses' lack of creativity | News | Times Higher Education. Retrieved February 12, 2014, from
<http://www.timeshighereducation.co.uk/news/mooc-creators-criticise-courses-lack-ofcreativity/2008180.article>

Cormier, D. (2010, December 8). What is a MOOC? [Video file]. Retrieved from
<http://www.youtube.com/watch?v=eW3gMGqcZQc>

Kamus Oxford (Oxford University Press, 2014) Oxford University Press. (2014). In *Oxford Dictionaries: Language matters*. Retrieved from
<http://www.oxforddictionaries.com/definition/english/motivation>